

Jenis Akhbar : Utusan Online

Tarikh : 11/01/2019

Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my

Tajuk : Bantu salur sumbangan, Tabung Infaq Lil-Waqf Angkasa

Bantu salur sumbangan, Tabung Infaq Lil-Waqf Angkasa

11 Januari 2019 2:05 PM



PRESIDEN ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah (dua dari kiri), menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Majlis Kempen Tabung Infaq Lil-Waqf ANGKASA, di Wisma ANGKASA, di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE/ SHIDDIEQIIN ZON

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyeru syarikat-syarikat swasta dan orang ramai memberikan sumbangan kepada Tabung Infaq Lil-Waqf Angkasa.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sumbangan itu penting kerana Angkasa memerlukan wang untuk membantu meringankan beban pelbagai pihak yang tidak berkemampuan.

“Kita telah melancarkan tabung tersebut pada tahun 2010 dan mahu membantu lebih ramai masyarakat di masa akan datang.

“Untuk itu kami memerlukan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi menampung kutipan yang diberikan oleh kakitangan kami,” katanya ketika sidang akhbar selepas menghadiri program Kempen Tabung Infaq Lil-Waqf Angkasa di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hassan serta Pengerusi Ahli Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil-Waqf Angkasa, Datuk Nooh Gadot.

Jelas Abdul Fattah, pada tahun lalu pihaknya telah membeli dua buah mesin hemodialisis serta menanggung kos rawatan buah pinggang bagi pesakit kronik. - UTUSAN ONLINE